

01 AUG 2002

LID-Mahathir (Keganasan)/I

PERANG TERHADAP KEGANASAN MESTI MENYELURUH, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Peperangan untuk menewaskan keganasan, termasuk keganasan ekonomi, mesti dilakukan secara menyeluruh dan hasilnya mestilah memberi manfaat kepada semua pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Bagaimanapun, bagi menjayakannya, kita terlebih dahulu mesti memahami apa yang menyerang kita," kata Perdana Menteri pada perasmian dan jamuan malam Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar (Global 2002) di sini hari ini.

"Kemudian, kita mesti bekerja bersama-sama dalam sempadan sendiri serta dengan negara lain. Kita lemah dan kita merupakan negara pelanggan, yang bergantung kepada bantuan dan pinjaman. Namun masih ada kemungkinan untuk mengambil pendirian bersama untuk memerangi ancaman ini."

"Dalam melakukannya, kita tidak bersendirian. Ada kuasa di kalangan negara kaya yang menyokong kita dan kita boleh mendapatkan bantuan mereka," kata Dr Mahathir.

Tetapi pada masa ini, tekanan ekonomi telah menggantikan bot pembedil untuk mengancam negara-negara merdeka, kata Perdana Menteri.

Seperti semasa era penjajahan di rantau Asia, Afrika dan Amerika Latin yang tidak berupaya mempertahankan diri, hari ini negara-negara baru merdeka tidak mampu mempertahankan diri masing-masing, katanya.

"Mereka bimbang akan dijajah semula menerusi tekanan ekonomi yang ditambah dengan propaganda media. Mereka diancam menerusi cara yang sama penganas mengancam dunia," kata Dr Mahathir.

"Seluruh dunia, terutama negara yang paling terdedah kepada serangan penganas, kini hidup dalam ketakutan, membelanjakan berbilion dollar secara sia-sia untuk pertahanan dan dalam proses itu menghalang pemulihan ekonomi."

Dr Mahathir berkata yang kaya bimbangkan penganas, yang miskin juga hidup dalam ketakutan, bimbang negara kaya akan mengambil alih ekonomi dan negara mereka.

"Apa yang saya katakan ini bukan untuk membesar-besarkan atau menimbulkan gempar. Globalisasi dan perdagangan bebas yang disertai demokrasi, merupakan penyelamat dunia, khususnya negara miskin. Tetapi pengalaman kita setakat ini menunjukkan kita dijadikan tidak stabil dan dirompak", katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa negara-negara miskin sentiasa bergantung kepada komoditi semula jadi yang mereka hasilkan untuk dieksport bagi memperolehi tukaran asing yang diperlukan untuk membeli barangan industri yang diperlukan.

"Tetapi kita melihat bagaimana setiap tahun, kita perlu menjual lebih banyak sumber yang semakin berkurangan untuk membeli barangan yang jumlahnya lebih kecil yang kita perlukan. Kita dijadikan tebusan kerana negara kaya tidak bergantung sepenuhnya kepada kita untuk barangan mentah untuk industri mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara kaya mempunyai pilihan mendapatkan sumber dan mereka mengawal pasaran dan harga.

"Mereka tidak peduli sama ada kita membeli produk mereka atau tidak kerana pasaran mereka adalah milik mereka sendiri, negara kaya."

"Tambahan pula, mereka mencipta dan menghasilkan bahan mentah untuk bersaing dengan produk semula jadi kita," katanya sambil memberi contoh bahawa getah digantikan dengan sintetik, bijih timah dengan plastik, kaca,

aluminium dan pelbagai lagi bahan pembungkusan dan kini mereka menghasilkan produk modifikasi genetik seperti minyak kacang soya bagi meminggirkan minyak kelapa sawit daripada pasaran.

Dr Mahathir berkata produk modifikasi genetik akan memburukkan lagi ekonomi negara-negara miskin yang bergantung kepada pertanian.

Perdana Menteri berkata kacang soya merupakan contoh terbaik kerana dengan melakukan modifikasi, soya menghasilkan lebih banyak minyak bagi setiap hektar untuk mengurangkan harga supaya sama paras dengan minyak kelapa sawit dan minyak sayuran lain.

Ketika mereka sendiri menolak produk yang dihasilkan secara modifikasi genetik kerana sebab-sebab kesihatan, mereka tidak kisah pula untuk menjual makanan modifikasi genetik kepada negara membangun, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MKO TS LAT